



SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

AKTIVITI-AKTIVITI IBADAH DAN KELUARGA
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, agar rakyat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut ketetapan Kerajaan Persekutuan yang dilanjutkan sehingga 28 April 2020, dan berpandukan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bertarikh 11 April 2020, dengan ini dimaklumkan, bahawa sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan, ketetapan-ketetapan berikut hendaklah dipatuhi oleh semua umat Islam serta Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau di Negeri Perak:

1. Tidak dilaksanakan Solat Jumaat, di sebaliknya umat Islam menunaikan Solat Zohor di rumah masing-masing;
2. Tidak dilaksanakan Solat Fardu secara berjemaah di semua masjid dan surau;
3. Tidak dibenarkan mengadakan acara-acara berbuka puasa, bersahur, qiamullail, tazkirah, kursus, ceramah dan sebarang aktiviti yang melibatkan perhimpunan yang ramai di masjid, surau atau di tempat-tempat tertentu, demi melindungi orang ramai daripada terdedah kepada virus Covid-19;
4. Tidak dibenarkan mengadakan Solat Sunat Tarawih di masjid, surau atau tempat-tempat tertentu secara beramai-ramai. Solat Sunat Tarawih hendaklah dibatasi dalam rumah masing-masing dalam kalangan ahli keluarga.
5. Jika PKP terus dilanjutkan sehingga bulan Syawal, Solat Sunat Aidilfitri dilakukan dalam kalangan ahli keluarga di rumah masing-masing. Solat Sunat Aidilfitri dibolehkan dilakukan di Masjid atau Surau tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) Kehadiran tidak lebih daripada 3 orang Pegawai Masjid (seorang Imam, seorang Bilal dan seorang Siak);
 - ii) Khatib yang bertugas hendaklah membaca khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak dan boleh menggunakan pembesar suara luar untuk dapat didengari oleh penduduk di sekitar masjid;

- iii) Imam hendaklah membaca surah pendek dan wirid ringkas; dan
 - iv) Tiada aktiviti berjabat tangan sebelum dan selepas solat.
6. Majlis Akad Nikah boleh dilakukan dengan mematuhi **Tatacara Khas Majlis Akad Nikah** menurut panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Perak bertarikh 10 April 2020. (**Lampiran A**).
 7. Bayaran Zakat Harta dan Zakat Fitrah ditunaikan mengikut garis panduan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (**Lampiran B**).
 8. Semua ketetapan yang telah termaktub pada Siaran Media Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak bertarikh 17 Mac 2020 adalah terpakai. Semua umat Islam serta Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Negeri Perak hendaklah mematuhi sepenuhnya arahan yang ditetapkan sehingga tamat tempoh PKP. Arahan ini adalah berpandukan dan terpakai dengan apa-apa pengumuman selanjutnya Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan Persekutuan.

(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
22 Syaaban 1441 / 16 April 2020

Lampiran A



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

ARAHAN TATACARA PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH DI NEGERI PERAK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) VERSI 2.0

Tatacara Versi 2.0 dikeluarkan bagi menggantikan **Tatacara Versi 1.0** bertarikh 17 Mac 2020 / 22 Rejab 1441 yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak.

Adalah dimaklumkan, bahawa **Tatacara Versi 2.0** dikeluarkan selaras dengan penambahan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. **Tatacara Versi 2.0** hendaklah dipatuhi ketika berlangsung Majlis Akad Nikah di dalam Negeri Perak.

- 1) Majlis Akad Nikah hendaklah dilaksanakan **hanya di premis Pejabat Agama Islam Daerah** dan tidak dibenarkan di premis persendirian atau di tempat awam seperti Masjid, Surau, Dewan atau tempat-tempat awam yang lain ;
- 2) Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah atau wakilnya hendaklah **menyediakan sebuah Bilik Khas** bagi menjalankan Majlis Akad Nikah. **Proses nyah kuman (disinfection)** hendaklah dilakukan mengikut keperluan dari semasa ke semasa ;
- 3) Majlis Akad Nikah yang dijalankan oleh Jurunikah kariah berkenaan hendaklah **dikawal selia oleh Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah** atau wakilnya ;
- 4) Tanggungjawab Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah atau wakilnya hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi semasa Majlis Akad Nikah dijalankan ;
 - a. Rukun Nikah
 - b. Membaca *Ta'liq* selepas Akad Nikah
 - c. Tiada berjabat tangan ketika lafaz *Ijab* dan *Qabul*
 - d. Menjaga jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter setiap orang yang hadir
 - e. Tiada sebarang upacara yang lain seperti upacara membatalkan air sembahyang, upacara sarung cincin, upacara bergambar dan lain-lain
 - f. Memakai penutup muka (*face mask*) dan menyediakan pembersih tangan (*hand sanitizer*) untuk keperluan pihak-pihak

- g. Mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa**
- 5) Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah hanya boleh memberi kebenaran sebanyak tiga (3) sesi sehari mengikut jadual masa seperti berikut ;
- a. **Sesi 1 : 9.30 pagi – 10.00 pagi**
 - b. **Sesi 2 : 11.30 pagi – 12.00 tengah hari**
 - c. **Sesi 3 : 2.30 petang – 3.00 petang**
- 6) Tempoh masa pelaksanaan majlis Akad Nikah hendaklah **tidak melebihi 30 minit**;
- 7) Dokumentasi dan pengeluaran Sijil Perakuan Nikah **hendaklah ditangguhkan dan disempurnakan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** ;
- 8) Majlis tersebut hanya boleh dihadiri oleh pihak-pihak seperti berikut :
- a. **Seorang (1) Jurunikah**
 - b. **Dua (2) orang Saksi**
 - c. **Seorang (1) Pengantin Lelaki**
 - d. **Seorang (1) Pengantin Perempuan**
 - e. **Seorang (1) Wali dari pihak Pengantin Perempuan**
- 9) Majlis tersebut **hendaklah dibatalkan oleh Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah jika sekiranya Tatacara Versi 2.0 tidak dipatuhi atau arahan daripada Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujukan Negeri Perak (KPNCR).**

DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN
Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak
10 April 2020 / 16 Syaban 1441

Lampiran B

KAEDAH DAN CARA MENUNAIKAN PEMBAYARAN ZAKAT HARTA DAN ZAKAT FITRAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)

1. Lazimnya bayaran boleh dilakukan di kaunter-kaunter Ibu Pejabat dan Cawangan MAIPk di semua daerah, melalui Amil-Amil Harta dan Profesional, Perunding Zakat. Bagaimanapun sepanjang tempoh PKP bayaran Zakat Harta boleh ditunaikan mengikut kaedah seperti berikut:

Bayaran Zakat Harta boleh dibuat secara atas talian melalui:

- i) FPX Portal MAIPk
- ii) Online Banking
- iii) MyEG
- iv) JomPay
- v) SnapNPay
- vi) GoPayZ

2. Lazimnya dibuat melalui Amil-Amil Fitrah yang berada di masjid dan surau serta pusat membeli-belah. Bagaimanapun sepanjang tempoh PKP bayaran Zakat Fitrah boleh ditunaikan mengikut kaedah seperti berikut:

Terdapat tiga kaedah bagi melaksanakan ibadah zakat fitrah sepanjang PKP:

i) Bayaran menggunakan saluran online (Keutamaan)

MAIPk menyediakan kemudahan bayaran secara online dengan beberapa pilihan dan platform.

- a) QR Code Maybank
- b) Aplikasi Snap N Pay
- c) Aplikasi GoPayZ
- d) Financial Process eXchange (FPX) melalui Portal MAIPk

ii) Bayaran melalui Amil (Kaedah Manual)

Berikut merupakan pelaksanaan tatacara kutipan zakat fitrah oleh Amil:

a) Kaunter Drive-thru

Kaunter ini akan diwujudkan di masjid-masjid utama daerah dan juga masjid yang berada di tepi jalan besar. Kaunter ini akan beroperasi dalam tempoh masa yang terhad antara jam

9 pagi hingga 12 tengahari (4 hari seminggu. Selasa dan Rabu serta Sabtu dan Ahad). Amil yang dilantik akan bertugas secara penggiliran. Penjarakkan sosial juga akan dikawal selia dan tiada proses bersalaman dibenarkan. Pihak masjid akan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan.

b) Amil bertemu secara langsung dengan pembayar

Kaedah bayaran secara langsung terus kepada amil hanya akan dilaksanakan dalam dua keadaan:

- a) Warga tua yang uzur dan tidak mempunyai kemahiran menggunakan kemudahan online; dan
- b) Masyarakat yang berada di kawasan komuniti penduduk/pedalaman/estate dan perkampungan yang tidak mempunyai kemudahan alat komunikasi dan akses internet yang baik.

Amil akan bergerak dari rumah ke rumah menemui pembayar di tempat tertentu (seperti halaman rumah, pagar dan dihadapan pintu sahaja). Kaedah ini akan dapat mengelak dan mengurangkan pergerakan dan perkumpulan masyarakat dalam jumlah yang ramai di sesuatu tempat dalam tempoh PKP. Setiap Amil akan dibekalkan dengan kad kuasa, peralatan pencegahan wabak dan kupon rasmi zakat fitrah MAIPk 144H/2020M.

iii) Bayaran Terus Melalui Tabung Khas Fitrah

Tabung-tabung ini akan diwujudkan di masjid-masjid tertentu, Hospital dan Pejabat polis terpilih bagi memudahkan masyarakat dan petugas barisan hadapan menunaikan zakat fitrah dengan sangat mudah dan cepat. Pembayar hanya perlu memasukkan jumlah fitrah, maklumat pembayar dan nombor telefon ke dalam sampul seterusnya memasukkannya ke dalam tabung berkenaan. Kupon Fitrah akan diberi kepada pembayar setelah tamah tempoh PKP.

- 3. Kadar Zakat Fitrah masih kekal dengan kadar pilihan **RM7.00, RM14.00** dan juga **RM21.00**. Bagaimana jika terdapat keluarga yang tidak mampu membayar kadar fitrah **RM7.00** Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah membenarkan masyarakat yang kurang berkemampuan membayar zakat fitrah bagi diri dan tanggungannya, **HARUS** menjelaskan sebahagian pada kadar kemampuannya. Contohnya, seperti beliau dan tanggungannya ada 8 orang, jika dia hanya mampu menjelaskan bayaran Zakat Fitrah hanya bagi 5 orang, maka dia telah pun menunaikan ibadah zakat tersebut.
- 4. Bayaran zakat fitrah boleh diwakilkan sekiranya tidak mampu untuk bergerak atau tidak mempunyai kemahiran membuat bayaran online seperti yang telah disebutkan di atas. telah memberikan perakuan bahawa bayaran zakat boleh

diwakilkan kepada sesiapa yang kita yakin dan percayai untuk melaksanakan tuntutan ibadah tersebut.

5. Cara untuk mendapatkan kupon atau penyata bayaran setelah membuat bayaran Zakat Fitrah secara online, bagi kaedah bayaran melalui medium online QR Code, SnapN Pay dan GoPayZ, pembayar boleh mendapatkan penyata bayaran selepas 6 hari dari tarikh bayaran dibuat. Pembayar hanya perlu memasukkan No. Kad Pengenalan ke dalam sistem **Penyata Kupon Fitrah Online Negeri Perak**. Penyata bayaran tersebut boleh dicetak, disimpan dan juga dikongsikan melalui aplikasi medium yang lain. Bagi pembayaran melalui FPX pula, pembayar boleh muat turun, mencetak atau menyimpan resit sejeurus selepas transaksi direkodkan berjaya.